

05 DEC 2000

ISDAM BANTU PESAKIT BUAH PINGGANG DAN JANTUNG BERLUBANG

PUTRAJAYA, 5 Dis (Bernama) -- Persatuan Doktor Pakar Islam Malaysia (Isdam) hari ini menyerahkan bantuan berjumlah RM90,000 kepada 26 pesakit buah pinggang dan tiga pesakit jantung berlubang.

Penyerahan itu dilakukan oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selaku Penaung Isdam di Seri Perdana pagi ini.

Wang bantuan itu hasil kutipan Majlis Makan Malam Amal anjuran Isdam yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Siti Hasmah baru-baru ini, serta sumbangan daripada sumber lain.

Penerima bantuan itu terdiri daripada lapan pesakit buah pinggang dari Hospital Teluk Intan yang memohon bantuan secara kelompok. Mereka menerima bantuan sebanyak RM16,615.

Penerima kelompok lain adalah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan cawangan Klang yang menerima RM4,152 untuk dua orang pesakit.

Seramai 16 orang pesakit buah pinggang yang memohon secara individu menerima RM2,076 seorang.

Tiga orang pesakit jantung berlubang yang menerima bantuan kewangan itu ialah Khairunnisa Hasan dari Sungai Lang, Banting, Selangor (RM12,772), Maizurah Mohd Yusof dari Felda Lok Heng, Kota Tinggi, Johor (RM7,440) dan Siti Zubaidah Mohd Maidin dari Kampung Belakang Masjid, Serdang, Kedah (RM12,500).

Majlis yang sama juga menyaksikan penyerahan cek oleh Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) kepada Isdam sebagai sumbangan untuk aktiviti persatuan bagi membantu pesakit buah pinggang dan jantung berlubang.

-- BERNAMA  
SR AZZ NMO